

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

12,352 kes baharu babit Kategori Satu, Dua

Putrajaya: Sebanyak 98.5 peratus atau 12,352 kes daripada 12,541 jangkitan baharu dikesan semalam, adalah pesakit COVID-19 dalam Kategori Satu dan Dua, iaitu tidak mempunyai gejala atau hanya bergejala ringan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 6,504 kes atau 51.9 peratus dalam Kategori Satu yang tiada gejala, manakala 5,848 kes lagi atau 46.6 peratus dalam Kategori Dua bergejala ringan.

"Sementara itu, 0.7 peratus atau 86 pesakit yang dikesan hari

ini (semalam) berada dalam Kategori Tiga iaitu mempunyai jangkitan paru-paru, manakala bagi Kategori Empat, iaitu mempunyai jangkitan paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen sebanyak 0.4 peratus atau 49 kes.

"Selebihnya, iaitu 54 pesakit lagi dalam Kategori Lima yang kini berada pada tahap kritikal dan memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes penularan COVID-19 yang dilaporkan di negara ini menunjuk-

kan sedikit penurunan semalam, iaitu 12,541 kes dengan 115 kematian.

Beliau berkata, Selangor kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan pertambahan kes harian dengan 5,512 kes baharu, diikuti Negeri Sembilan (1,619 kes); Kuala Lumpur (1,542); Johor (609); Melaka (575); Kedah (458); Sarawak (423); Pahang (382) dan Pulau Pinang (376).

"Selain itu, pertambahan kes baharu turut dilaporkan di Sabah dengan 326 kes; Perak (299); Kelantan (225); Terengganu (102);

Putrajaya (62); Labuan (24) dan Perlis (tujuh)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes baharu hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 meningkat kepada 893,323 kes. Sehingga kini, 114,053 kes masih aktif dengan kebole-hjangkitan COVID-19.

"Daripada jumlah itu, 896 kes kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 459 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

Mengenai kes kematian yang dilaporkan, ia menjadikan jum-

lah kumulatif kes kematian di negara ini meningkat kepada 6,728 kes," katanya.

Pada masa sama, setakat jam 12 tengah semalam, 6,742 kes sem-buh dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sepenuhnya ialah 772,542 kes.

Sementara itu, sebanyak 37 kluster baharu COVID-19 dikenal pasti KKM semalam, dengan 19 membabitkan tempat kerja, komuniti (8), pusat tahanan (4) dan masing-masing tiga kluster kumpulan berisiko tinggi serta pen-didikan.

**Terkini
COVID-19**

6,742 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

12,541 Kes baharu disahkan, semalam

6,742 Jumlah kematian dicatat

893,323 jumlah kes disahkan positif

114,053 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Negeri Fasa Dua tidak akan kembali ke Fasa Satu

Kuala Lumpur: Kerajaan memutuskan mana-mana negeri yang sudah memasuki Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN), tidak akan kembali ke Fasa Satu, walaupun kembali berdepan peningkatan kes COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kerajaan sebaliknya membuat keputusan melaksanakan pendekatan bersasar terhadap negeri yang sudah berada dalam Fasa Dua PPN.

"Sekiranya angka jangkitan COVID-19 di negeri yang su-

dah beralih fasa adalah tinggi, hanya lokasi atau kawasan tertentu akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan bukannya seluruh negeri," katanya.

Sementara itu, mengulas pemantauan terhadap kesan sampingan atau susulan imunisasi (AEFI), Dr Adham berkata, sejak bermula Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sehingga 14 Julai lalu, sebanyak 11,656,905 dos vaksin COVID-19 diberikan dengan 19.0 respon sendiri bagi setiap 1,000

dos diterima melalui aplikasi MySejahtera bagi Kategori Kesan Biasa dan Minor.

Katanya, kesakitan pada tempat suntikan, sakit kepala dan keletihan, adalah antara kesan sampingan yang sering dialami penerima vaksin.

"Berdasarkan pelaporan sedia ada melalui sistem pemantauan AEFI Bahagian Regulatori Negara (NPR), sebanyak 1.12



Dr Adham Baba

laporan diterima bagi setiap 1,000 dos.

"Daripada pelaporan ini, hanya 0.06 bagi setiap 1,000 dos vaksin yang diklasifikasi sebagai serius yang memerlukan rawatan lanjut dan dimasukkan ke hospital," katanya.

Mengulas lanjut, katanya sebilangan besar kes itu hanya memerlukan kemasukan jangka pendek ke hospital dan sudah pun dikeluarkan se-

lepas pemerhatian dan rawatan yang sesuai diberikan.

Mengulas suntikan vaksin untuk pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau berkata pelajar STPM yang berusia 18 tahun sudah dibenarkan menerima suntikan.

"KKM (Kementerian Kesihatan) masih menunggu ujian keradangan jantung atau *Myocarditis* dan *Pericarditis* sebelum membenarkan remaja bawah 17 tahun, termasuk calon SPM menerima vaksin COVID-19," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Fasiliti DMZ HAT Tuanku Mizan serba lengkap

Kemudahan khas untuk rawat pesakit Kategori 3, 4 dan 5 COVID-19

Oleh Safeek Affendy Razali dan Mohd Amin Jalli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Andainya tiada sebarang pengumuman awal dibuat, pastinya ramai tidak menyangka bahawa Zon Pengurusan Bencana (DMZ) di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan di sini, asalnya adalah ruang parkir bawah tanah hospital berkenaan.

Ini kerana kelengkapan rawatan dan perubatan disediakan di situ, sama lengkapnya seperti hospital lain yang menyediakan rawatan kepada pesakit Kategori 3, 4 dan 5 COVID-19, dalam usaha membantu Kementerian Kesihatan (KKM) memerangi pandemik COVID-19.

Hanya kerana ketiadaan siling sama seperti hospital awam dengan nombor pada setiap tiang bangunan di ruang terbabit,

membuatkan ciri-cirinya sebagai kawasan parkir masih dikenali.

Namun meninjau secara dekat kemudahan disediakan di situ pasti mengagumkan pelawatnya, selain kelengkapan rawatan yang disediakan, dedikasi dan komitmen petugas membabitkan gabungan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan KKM berada pada tahap tertinggi.

Pegawai Memerintah HAT Tuanku Mizan, Brig-Jen Datuk Dr Rosman Ab Rahman, berkata perkhidmatan DMZ itu tidak terhad kepada pesara dan anggota ATM sahaja, sebaliknya menerima kesemua pesakit awam khususnya sekitar Lembah Klang yang dirujuk ke situ.

"Kami menerima mana-mana pesakit COVID-19 yang dirujuk dari Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) sekitar Lembah Klang, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Bersepadu 2.0 MAEPS di Serdang dan hospital berhampiran.

"Kami mempunyai lima pakar perubatan, masing-masing satu pakar bius dan pakar kecemasan serta sembilan pegawai perubatan, sambil dibantu 12 jururawat KKM serta 82 jururawat dan kakitangan sokongan ATM," katanya.

Dr Rosman berkata, kapasiti asal DMZ HAT Tuanku Mizan



Kakitangan perubatan menjalankan tugas di Zon Pengurusan Bencana, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)



Kakitangan perubatan merawat pesakit di Zon Pengurusan Bencana, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, semalam.

sebanyak 50 katil kini sudah ditambah kepada 150 katil lagi, khusus untuk pesakit yang memerlukan rawatan bekalan oksigen.

Ketika ini seramai 84 pesakit COVID-19 sedang dirawat di situ membabitkan enam pesakit di unit rawatan rapi (ICU), 48 pesakit Kategori 4, manakala 30 pesakit Kategori 3.

Sejak 9 Julai lalu, ATM menyediakan DMZ itu bagi menampung keperluan rawatan pesakit COVID-19 Kategori 4 dan 5 yang semakin meningkat di Lembah Klang.

Kemudahan itu menggunakan parkir bawah tanah HAT yang diwartakan sebagai DMZ kerana direka khas sejak awal pembinaan hospital berkenaan bagi menghadapi kes bencana kimia dan biologi.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan ATM, Lt Jen Datuk Dr Zulkeffeli Mat Jusoh, berkata konsep zon berkenaan sesuai dilaksanakan di semua HAT seluruh negara terutamanya dalam menangani pandemik dan bencana.

"Hari ini kita dapat lihat sendiri konsep yang sudah sekian

lama dirancang, dapat digunakan untuk perawatan COVID-19 di negara kita, terutamanya bagi menangani peningkatan kes khususnya membabitkan Kuala Lumpur dan Selangor.

"Pada mulanya kapasiti pesakit di sini adalah sebanyak 50 katil untuk tahap empat dan lima tetapi sekarang kita kembangkan kepada 150 katil," katanya kepada media selepas meninjau pengoperasian DMZ di HAT Tuanku Mizan pagi semalam.

Sementara itu, ruang parkir Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) di Seremban juga, akan ditukarkan menjadi hospital hibrid bagi mengendalikan rawatan pesakit COVID-19 di Negeri Sembilan, yang semakin meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan, berkata langkah diambil susulan keseimbangan kerajaan negeri terhadap penggunaan wad ICU HTJ yang kini beroperasi dalam kapasiti penuh.

"Kita terpaksa membuka hospital hibrid ini di tempat letak kereta sebagai langkah menampung peningkatan kes pesakit COVID-19. KKM sudah meluluskan permohonan membukanya yang dijangka beroperasi dalam masa terdekat," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

12,541 kes direkodkan semalam

PUTRAJAYA - Angka kes harian negara menurun sedikit berbanding kelmarin dengan 12,541 kes termasuk 16 daripadanya kes import.

Ia sekali gus menjadikan jumlah kes kumulatif positif Covid-19 sebanyak 893,323 kes.

Kes aktif dengan kebolehhajngkitan Covid-19 pula terus meningkat kepada 114,053 kes termasuk 896 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi, manakala 459 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Antara penyumbang kes harian semalam adalah daripada 37 kluster baharu dan berdasarkan pecahan mengikut negeri, Selangor merekodkan angka tertinggi sebanyak 5,512 kes, diikuti oleh Negeri Sembilan sebanyak 1,619 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 1,542 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat 115 kes kematian Covid-19 dilaporkan termasuk 11 warga asing melibatkan 69 lelaki dan 46 wanita.

Katanya, terdapat 24 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	12,541
Import:	16
Tempatan:	12,525
Pulih	6,742
Kematian	115
Masih dirawat	114,053
Jumlah kes sembuh	772,542
Jumlah Kematian	6,728
Jumlah kes keseluruhan	893,323

"Dalam masa sama, daripada jumlah kes harian yang dilaporkan, sebanyak 6,504 kes (51.9 peratus) adalah daripada kategori satu tidak bergejala dan 5,848 kes (46.6 peratus) kategori dua bergejala ringan.

"Sebanyak 86 kes pula (0.7 peratus) kategori tiga radang pa-

ru-paru, 49 kes (0.4 peratus) kategori empat radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen serta 54 kes (0.4 peratus) kategori lima kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan atau ventilator," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kluster baharu dilaporkan semalam membabitkan 19 kluster tempat kerja, lapan kluster komuniti, empat kluster pusat tahanan serta masing-masing tiga kluster kumpulan berisiko tinggi dan pendidikan.

Tambah beliau, kadar kebolehhajngkitan kelmarin mendapati, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.20 dengan Putrajaya merekodkan nilai RT tertinggi 1.32.

"Negeri-negeri lain yang mencatatkan RT melebihi 1.0 adalah Terengganu (nilai RT 1.27), Kedah (nilai RT 1.23), Selangor (nilai RT 1.20), Pulau Pinang (nilai RT 1.20), Negeri Sembilan (nilai RT 1.17), Kuala Lumpur (nilai RT 1.15), Melaka (nilai RT 1.14), Pahang (nilai RT 1.12),

Johor (nilai RT 1.10), Kelantan (nilai RT 1.10), Perak (nilai RT 1.10) dan Sabah (nilai RT 1.09)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Hospital kini tidak cukup tempat simpanan

'Mohon sumbangan kontena isi mayat'

Oleh WARTAWAN KOSMO!

PUTRAJAYA – Berat mata memandang, berat lagi dugaan yang terpaksa ditempuh petugas kesihatan di Hospital Selangor apabila bahagian forensik hospital tersebut didakwa tidak lagi mampu menampung jumlah mayat ketika ini.

Menurut satu sumber dalam hospital berkenaan, jumlah kematian yang meningkat setiap hari termasuk yang meninggal dunia bukan akibat Covid-19 menyebabkan kini tiada ruang untuk meletakkan mayat.

Sehubungan itu, pihak hospital memerlukan sumbangan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu menyediakan kontena bagi meletakkan mayat berkenaan sebelum dikebumikan.

"Sudah tiada tempat dah (le-

tak mayat). Pagi ini (semalam), kita menerima 47 mayat dengan 16 daripadanya bukan Covid-19 dan ditempatkan di dalam peti ais buat masa ini.

"Selain itu, 24 lagi mayat positif Covid-19 disimpan di dalam kontena, peti mayat dan bilik bedah siasat," dakwanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Lebih menyedihkan, sumber hospital itu mendakwa, peti mayat yang penuh menyebabkan mereka terpaksa meletakkan sebilangan mayat di atas meja bilik bedah siasat termasuk atas lantai berlapikkan kayu palet.

Bahkan dakwanya, mereka perlu mencari pelbagai alternatif segera termasuk meletakkan dua mayat di dalam satu peti mayat yang sama.

"Mayat ini adalah dalam kategori yang menunggu keputusan (saringan Covid-19)," ujarnya.

Dalam pada itu, sumber itu mendakwa, atas inisiatif sendiri, pihaknya telah memohon bantuan wakil rakyat di kawasan tersebut, namun tiada maklum balas diterima setakat ini.

"Kami memohon kontena baharu seperti yang diterima oleh Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang. Keadaan sesak di sini ditambah kekurangan kakitangan.

"Difahamkan kontena baharu akan sampai pada bulan Disember berikutan tiada peruntukan. Bagaimanapun, kalau ada sumbangan daripada mana-mana pihak, mungkin pengurusan mayat menjadi lebih teratur," katanya.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan memberitahu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor akan mengeluarkan kenyataan berhubung isu berkenaan.



WARGA emas yang belum menerima janji temu vaksinasi boleh ke PPV di Lembah Klang bermula hari ini. – GAMBAR HIASAN

Vaksinasi walk-in warga emas bermula hari ini

PUTRAJAYA – Sistem vaksinasi secara tanpa janji temu (*walk-in*) kepada penduduk warga emas di Lembah Klang akan dimulakan hari ini, kata Menteri Penyelaras Imunisasi Covid-19, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, warga emas sama ada yang telah atau belum berdaftar tetapi belum menerima janji temu akan dibenarkan untuk *walk-in* ke mana-mana pusat pemberian vaksinasi (PPV) di Lembah Klang.

Bagaimanapun katanya, bagi warga emas yang telah menerima janji temu, mereka diminta hadir ke PPV mengikut tarikh janji temu yang telah diberikan.

"Warga emas yang hadir secara *walk-in* akan dibenarkan masuk ke PPV menggunakan laluan khas," katanya dalam sidang akhbar bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba di sini semalam.

Katanya, bagi warga emas yang belum pernah mendaftar sama ada melalui MySejahtera atau laman web, pendaftaran akan dilaksanakan di PPV.

Khairy memberitahu, bagi

warga emas yang tidak memiliki aplikasi MySejahtera, petugas akan mendapatkan maklumat waris atau penjaga untuk dihubungi bagi peringatan vaksinasi dos kedua.

"Kesemua janji temu yang telah diberikan sehingga kini adalah bertarikh sebelum 1 Ogos ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Khairy memberitahu, lebih 2.6 juta individu dewasa di Kuala Lumpur dan Selangor akan menerima sekurang-kurangnya suntikan dos pertama vaksin Covid-19 menjelang 1 Ogos depan.

Katanya, agihan vaksin itu akan dilaksanakan menerusi program dikenali sebagai Operasi Lonjakan Kapasiti, satu inisiatif bagi membendung penularan jangkitan Covid-19 di Lembah Klang ketika ini.

"Seramai 6.1 juta individu berusia 18 tahun direkodkan di Kuala Lumpur dan Selangor.

"Malah, sehingga semalam, seramai 3.5 juta daripada mereka sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos dan baki 2.6 juta lagi belum menerima suntikan," katanya.



GAMBAR menunjukkan mayat diletakkan di atas meja bilik bedah siasat ekoran kekurangan kapasiti penyimpanan di Hospital Selangor.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Situasi terburuk dua bulan lagi

Rakyat Malaysia perlu bersedia mendepani 24,000 kes baharu Covid-19 sehari menjelang September nanti

Oleh LIZA MOKHTAR

SHAH ALAM

Rakyat perlu bersedia secara psikologi untuk berdepan dengan jumlah kes Covid-19 yang dijangka meningkat sehingga 24,000 kes sehari menjelang September nanti.

Ahli ekonomi, Nungsari Ahmad Radhi berkata, rakyat juga perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang tinggi dan membantu semampu yang boleh seandainya badai Covid-19 terus melanda.

"Kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang meramalkan Malaysia akan mencapai tahap kemuncak penularan Covid-19 pada pertengahan September dengan 24,000 kes positif sehari tidak boleh dipandang remeh.

"Kebimbangan penularan meluas Covid-19 tidak boleh lagi dielakkan dan peningkatan jumlah kes dianggarkan sehingga 25,000 kes pada September kelak pasti memberi kesan kepada psikologi rakyat," ujar Nungsari kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, persediaan psikologi amat perlu dalam mendepani krisis kesihatan itu berikutan ia bukan sahaja memberi kesan kepada nyawa, kelangsungan hidup malah mental rakyat.

"Isu psikologi dan mental perlu dipandang serius berikutan ramai yang semakin tertekan melihatkan situasi pandemik yang amat membimbangkan.

"Seharusnya kerajaan memainkan pera-

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Persediaan psikologi amat perlu dalam mendepani Krisis Covid-19 berikutan ia bukan sahaja memberi kesan kepada nyawa, kelangsungan hidup malah mental rakyat.



nan aktif memastikan rakyat dapat mendepani situasi pandemik ini dengan lebih baik," ujar beliau.

Sehubungan itu, katanya, bagi 'menenangkan' rakyat yang selama ini akur patuh SOP, kerajaan wajar segera bertindak apabila trend nisbah jangkitan meningkat sejak beberapa bulan lalu.

"Trend nisbah kadar kebolehjangkitan (RT) meningkat dan melebihi 1.0 (bermakna jangkitan akan berganda) sudah jelas sejak beberapa bulan lalu. Kenapa dibiarkan tanpa langkah yang betul-betul dapat mengawal jangkitan?"

"Sekarang jelas, virus sudah merebak luas. Jadi, kita tidak boleh mengelak lagi, kita cuma boleh mengurangkan kesan jangkitan yang tinggi itu," katanya.

Namun begitu harapan masih ada apabila kenyataan Dr Noor Hisham turut menyebut sekiranya kita boleh melaksanakan 150,000 dos sehari untuk dos kedua dengan 80 peratus keberkesanan vaksinasi, pada Oktober kes harian positif Covid-19 akan turun di bawah 1,000 kes.

"Justeru, proses pemberian vaksin ha-



NUNGSARI

rus dipercepatkan, perbanyakkan tempat pemberian vaksin, permudahkan proses mendaftar dan sebagainya," katanya yang turut mengakui kerajaan sepatutnya lebih bersedia berdepan pandemik itu seperti mendapatkan vaksin lebih awal untuk diberikan kepada rakyat.

Disebabkan tempoh mencapai 80 peratus itu memakan masa hingga akhir Oktober, Nungsari berpendapat, kerajaan harus melanjutkan dan menambah bantuan isi rumah yang terjejas serta perniagaan yang kian tenat sehingga hujung tahun ini.

"Sambung dan perbanyakkan geran kepada peniaga kecil dan bantuan tunai kepada isi rumah hingga hujung tahun," katanya.

Beliau turut mencadangkan penyumbangan subsidi gaji kepada institusi perniagaan sehingga hujung tahun bagi mengelak pemberhentian pekerja.

Tegasnya, kerajaan harus bertindak agresif memastikan rakyat kembali bangkit meneruskan kehidupan selepas pandemik maut ini dapat dikawal.

Malaysia diramal capai 24,000 kes positif

PUTRAJAYA - Malaysia diramal mencapai tahap kemuncak penularan Covid-19 pada pertengahan September dengan 24,000 kes positif sehari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, berdasarkan unjuran, kadar kebolehjangkitan (RT) ketika ini adalah 1.2.

"Keberkesanan vaksin berada pada 75 peratus sekiranya kapasiti pemberian dos kedua 100,000 sehari dan 80 peratus penduduk divaksinasi," katanya.

Namun beliau berkata, kes harian positif Covid-19 dijangka menurun di

bawah 1,000 kes setiap hari pada Oktober.

Katanya, berdasarkan unjuran yang dibentangkan Kementerian Kesihatan Malaysia, kes terus meningkat sehingga 17,000 sehari pada pertengahan Ogos.

"Jika kita laksanakan 150,000 dos sehari untuk dos kedua dengan 80 peratus keberkesanan vaksinasi, pada Oktober kes harian Covid-19 akan turun di bawah 1,000," katanya.

Peningkatan kes Covid-19 direkodkan selama tiga hari berturut-turut sejak Selasa dengan kes tertinggi 13,215 dilaporkan pada Khamis.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Vaksin Sinovac bukan dihentikan

Pharmaniaga sahkan syarikat itu telah memenuhi kontrak pembekalan 12 juta dos

Oleh TUAN BUQHAIIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

SHAH ALAM


Bekalan vaksin Sinovac bukan ditamatkan atau dihentikan, sebaliknya Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah memenuhi kontrak pembekalan 12 juta dos secara *fill and finish*.

Menerusi kenyataannya, Pharmaniaga memaklumkan syarikatnya perlu membekalkan vaksin tersebut dalam tempoh tujuh bulan iaitu antara Mei sehingga November.

"Apabila kes jangkitan Covid-19 naik secara mendadak daripada Mac 2021, Pharmaniaga membuat langkah proaktif untuk memenuhi keperluan negara dengan menyegerakan pembekalan vaksin Covid-19 Sinovac," katanya pada Jumaat.

Syarikat itu kemudian membuat pemesanan vaksin import siap untuk diagihkan seiringan dengan agihan vaksin jenis *fill and finish*.

"Dengan usaha tersebut, Pharmaniaga berjaya membekalkan sebanyak 12 juta dos dan kelompok dos terakhir akan di-



Pharmaniaga memaklumkan syarikatnya perlu membekalkan vaksin tersebut dalam tempoh tujuh bulan iaitu antara Mei sehingga November.

bekalkan pada 21 Julai iaitu 4.5 bulan lebih awal daripada jadual kontrak asal," katanya.

Pembekalan 12 juta dos ini melibatkan enam juta dos bagi suntikan pertama dan enam juta dos kedua.

"Memandangkan jumlah suntikan dos pertama di kesemua negeri sudah hampir mencecah enam juta, arahan telah diberikan untuk memberhentikan pemberian dos pertama dan menumpukan kepada pemberian dos kedua.

"Ia bagi mengelakkan kes tiada stok untuk dos kedua sekiranya dos pertama diberi lebih daripada enam juta dos," menurut syarikat itu.

Justeru jelas kenyataan tersebut, syarikat itu berasa bangga kerana menjadi syarikat pertama yang membekalkan kesemua keperluan kerajaan jauh lebih awal daripada jadual kontrak bagi membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Pharmaniaga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas kepercayaan yang diberikan," katanya.

Pada Khamis, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba mengesahkan pihaknya menghentikan agihan vaksin Sinovac ke semua pusat pemberian vaksin (PPV) di Kelantan dan menggantikannya dengan vaksin Pfizer.

Langkah itu diputuskan kerana negara telah menerima banyak bekalan dos Comirnaty untuk memenuhi keperluan 22.2 juta penduduk.

'Jangan ragu-ragu guna Sinovac'

SHAH ALAM - Orang ramai tidak perlu bimbang dan ragu mengenai keberkesanan vaksin buatan syarikat biofarmaseutikal dari China, Sinovac terhadap varian Delta.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, kesemua vaksin Covid-19 termasuk Sinovac berkesan terhadap varian Delta setakat informasi yang terkini.

"Semua vaksin Covid-19 yang digunakan di negara ini setakat hari ini berkesan. Saya mohon orang ramai jangan sebar maklumat yang tidak tepat.

"Semua portfolio vaksin termasuk Sinopharm dan Johnson & Johnson yang baru diberikan pendaftaran bersyarat juga berkesan untuk digunakan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau mengulas mengenai keresahan rakyat Malaysia berhubung status vaksin Sinovac susulan dakwaan kerajaan tidak lagi menggunakan vaksin itu dan digantikan dengan vaksin Pfizer-BioNTech.

Amrahi berkata, ia bukan isu Sinovac berkesan atau tidak, sebaliknya bekalan baharu vaksin Pfizer telah sampai dan perlu digunakan,

Kerajaan beli 3 juta dos Sinovac lagi untuk simpanan

PUTRAJAYA - Kerajaan akan menambah pembelian tiga juta dos vaksin Covid-19 keluaran Sinovac untuk dijadikan stok simpanan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, Sinovac akan digunakan kepada mereka yang alah terhadap vaksin lain.

"Tempahan itu akan selesai dihantar Pharmaniaga akhir bulan ini atau awal Ogos," katanya pada Jumaat.

Beliau turut menjelaskan tiada isu berbangkit berhubung bekalan Sinovac diganti dengan vaksin keluaran Pfizer.

"Bekalan Sinovac yang dikatakan digantikan disebabkan kita sudah habis bekalan bagi vaksin berkenaan," katanya.

Menurutnya, kesemua tempahan iaitu 12 juta dos Sinovac akan selesai dibekalkan pada hujung bulan ini.

Sementara itu, Khairy berkata, warga emas sekitar Lembah Klang yang belum menerima tarikh janji temu vaksinasi dibenar *walk-in* ke mana-mana pusat pemberian vaksin (PPV) bermula Sabtu.

Jelasnya, garis panduan akan disediakan di pusat PPV, selain warga emas dibenarkan masuk ke PPV menggunakan laluan khas.



AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes positif turun kepada 12,541

Menjadikan jumlah keseluruhan positif kepada 893,323 kes, Selangor kekal catat kes tertinggi

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Kes harian positif Covid-19 merekodkan sedikit penurunan dengan 12,541 kes dilaporkan pada Jumaat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu terdiri daripada 6,504 kes kategori satu, 5,848 kategori dua iaitu bergejala.

"Sebanyak 86 kes mempunyai radang paru-paru (kategori tiga), 49 kes dikesan mempunyai radang paru-paru dan memerlukan bantuan pernafasan (kategori empat) manakala 54 yang lain adalah kritikal (kategori lima)," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, Selangor kekal negeri tertinggi melaporkan kes harian baharu iaitu 5,512 jangkitan.

Negeri Sembilan pula me-

rekodkan 1,619 kes, Kuala Lumpur (1,542), Melaka (575), Kedah (458), Sarawak (423), Pahang (328), Pulau Pinang (376), Sabah (326), Perak (299), Kelantan (225), Terengganu (102), Putrajaya (62), Labuan (24) dan Perlis (tujuh).

"Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 893,323 kes," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 114,053 jumlah kes aktif direkodkan di seluruh negara termasuk 896 pesakit berada di unit rawatan rapi (ICU).



DR NOOR HISHAM

"Sebanyak 459 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan turut merekodkan 115 kematian membabitkan 104 rakyat tempatan dan 11 warga asing.

"Pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah keseluruhannya, 6,728 kes," katanya.

Sementara itu, sebanyak 6,742 kes telah sembuh sekaligus menjadikan jumlah kumulatifnya, 772,542 kes.

Pada perkembangan sama,

KKM turut merekodkan 37 kluster baharu membabitkan 19 kluster tempat kerja dan lapan kluster komuniti.


Turut dikesan masing-masing tiga kluster pusat tahanan dan kluster kumpulan berisiko tinggi serta kluster pendidikan lain.

Justeru, orang ramai termasuk individu yang telah menerima vaksin Covid-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan.

"Elakkan kawasan sesak, sempit dan sembang dengan jarak dekat dan amalkan cuci tangan, pakai pelitup muka dan patuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1
Tanpa gejala

Kategori 2
Gejala ringan


Kategori 3
Jangkitan paru-paru

Kategori 4
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen

Kategori 5
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPKC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 16 Julai 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	893,323	PULIH:	772,542	ICU:	896	KEMATIAN:	6,728	KES BAHARU:	12,541	SUDAH DIVAKSIN:	13,107,716
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	-------------	--------	-----------------	------------

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : MUKA DEPAN

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes Covid-19 akan turun, vaksinasi meningkat

Lonjakan sementara

Oleh **OMAR ZIN, ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN** dan **SUBKHI SUDARJI**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Jangkitan Covid-19 yang melonjak hingga mencecah lebih 13,000 kes kelmarin hanya bersifat sementara, malah dijangka menurun tidak lama lagi.

Pakar-pakar kesihatan awam berpendapat peningkatannya dipengaruhi langkah kerajaan mengadakan saringan besar-besaran terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

Malah, Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) di 34 mukim dalam Selangor tidak disambung lagi, dan tamat mulai semalam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar kesihatan awam, Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, lonjakan kes ketika ini bersifat sementara berikutan adanya ujian calitan yang dilakukan secara massa.

Beliau yang juga Presiden Persatuan

Hospital Swasta Malaysia menjelaskan, berikutan tindakan itu ramai pesakit Covid-19 dan pembawa virus dapat dikenal pasti lebih awal.

"Kita juga tahu kadar vaksinasi dalam negara sedang dipertingkatkan dan sehingga hari ini, jumlah vaksin yang dikeluarkan melebihi 400,000 dos termasuk 155,351 individu yang telah melengkapkan dos kedua," katanya.

Malah, Kementerian Wilayah Persekutuan turut menjangkakan kes Covid-19 di wilayah itu menyusut minggu depan hingga akhir bulan ini berikutan keadaan terkawal dan pencapaian peratusan suntikan vaksin yang tinggi.

Menterinya, Tan. Sri Annuar Musa berkata, jumlah kes positif Covid-19 di Kuala Lumpur dan Putrajaya menunjukkan aliran penurunan sehingga semalam dengan 1,552 kes direkodkan berbanding 1,598 kes Rabu lalu.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : DALAM NEGERI



PEKERJA sektor perkilangan menunggu giliran mendapatkan vaksin di pusat pemberian vaksin dalam Program Imunisasi Industri Covid-19 kerjasama awam swasta di Sendayan, Seremban. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Lonjakan sementara

Dari muka 1

Katanya, kementerian akan terus memperhebatkan program vaksinasi secara besar-besaran agar Wilayah Persekutuan dapat mencapai imuniti kelompok seawal mungkin.

Sementara itu, jumlah pemberian vaksin Covid-19 harian terus mencatatkan peningkatan dengan 460,158 dos suntikan menjadikan ia jumlah tertinggi setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba memberitahu, menerusi perkongsian infografik data pemberian vaksin Covid-19 di Twitter, beliau memaklumkan daripada jumlah itu, 304,807 individu menerima dos pertama dan 155,351 lagi melengkapkan dos kedua.

Perkembangan itu menjadikan jumlah keseluruhan pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19

Kebangsaan yang dilaksanakan sejak 24 Februari adalah sebanyak 13,107,716 dos.

Seorang lagi pakar kesihatan, Profesor Dr. Noran Naqiah Mohd. Hairi berkata, orang ramai tidak seharusnya bersikap sambil lewa dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP) walaupun telah divaksin.

"Selepas mengambil vaksin, orang ramai masih perlu pastikan SOP dipatuhi dengan serius. Kebanyakan kes dalam komuniti kini juga adalah penularan sporadik, malah sekiranya adanya varian baharu seperti varian Delta," katanya.

Pakar ekonomi pula berpandangan kerajaan wajar membuka semula ekonomi seawal bulan hadapan tetapi dengan cara selamat.

Pensyarah ekonomi Universiti Sunway, Dr. Yeah Kim Leng berkata, bilangan kes Covid-19 tidak seharusnya menjadi

ukuran untuk terus menutup ekonomi, sebaliknya perlu mengambil kira tahap vaksinasi di satu-satu kawasan.

"Peningkatan kadar vaksinasi di negara ini sepatutnya dijadikan ukuran kerana ia akan menurunkan bilangan kes Covid-19, kesesakan di hospital tidak lama lagi, sekaligus membolehkan transisi kepada membuka semula aktiviti ekonomi," katanya.

Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff dari Putra Business School (PBS) pula berkata, ekonomi hanya boleh dibuka semula bulan depan jika kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) dan kadar kematian menurun.

"Walaupun unjuran ekonomi akan diturunkan, masih ada ruang ekonomi kembali pulih untuk separuh tahun kedua tahun ini jika sektor ekonomi kembali dibuka," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



A firefighter sanitising the IDCC vaccination centre in Shah Alam on Thursday. BERNAMA PIC

OPERATION SURGE CAPACITY

ADULTS IN KL, SELANGOR TO GET JABS BY AUG 1

CITF making arrangements to boost supplies and capacity, says Khairy

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

THE government has launched a new initiative dubbed "Operation Surge Capacity" for Kuala Lumpur and Selangor to accelerate the vaccination drive amid the spike in Covid-19 cases in the Klang Valley.

Covid-19 National Immunisation Programme (NIP) Coordinating Minister Khairy Jamaluddin said under this operation, the government would ensure that every adult resident of Selangor and Kuala Lumpur aged 18 and above will receive at least one dose of the Covid-19 vaccine by Aug 1.

"This is a new initiative that we have worked out as agreed by the National Security Council on Thursday and discussed this morning (yesterday) with the Covid-19 Immunisation Task Force (CITF), along with the Selangor menteri besar and the federal territories minister.

"Following the drastic increase in fresh Covid-19 infections, especially of late in the Klang Valley, CITF is making arrangements to boost the supplies and vaccination capacity, particularly in Kuala Lumpur and Selangor, which have become the epicentre of the outbreak in the country.

"Operation Surge Capacity is an extraordinary effort that we will implement with the target of administering the first vaccine dose to the remaining adult population in Selangor and Kuala Lumpur from July 26 to Aug 1.

"The second dose is expected to be completed by the end of August according to the set period," he said in a joint virtual press conference with Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba yesterday.

Khairy said 6.1 million people comprising the adult population in Kuala Lumpur and Selangor were targeted to receive at least one dose of the Covid-19 vaccine by Aug 1.

"Up to July 15, 3.5 million of them have received their first dose. Another 1.3 million people are targeted to receive the first dose up until July 25 and the remaining 1.3 million are targeted to receive the first dose until Aug 1."

He said to achieve the goal, the government would have to increase the vaccine supplies and capacity in Selangor and Kuala Lumpur to better manage the outbreak. The two states would see a boost from the existing 180,000 doses per day to 272,000 doses per day from July 26 to Aug 1 (of which 181,000 are for the first dose and 91,000 for the second dose), he said.

"For the same purpose, we are also making adjustments to the delivery of vaccine supplies to the states to match the capacity to be increased. Vaccination capacity at all vaccination centres (PPVs), including those under ProtectHealth will be increased."

Khairy, who is also science, technology and innovation minister, said to ensure the success of the operation, all adults aged 18 and above in the Klang Valley should register themselves for the Covid-19 vaccine.

He said 11 per cent of the population aged 18 and above in the Klang Valley had yet to register.

"Efforts to intensify the vaccination in Selangor and Kuala Lumpur are similar to when we launched a mission for Labuan previously to control the spread there.

"To date, the Federal Territory of Labuan has successfully vaccinated 85.3 per cent of its adult population. Its infectious rate, or Rt value, until yesterday (Thursday) is the second lowest in the country, above only Perlis, which is 0.84, with only 26 cases recorded.

"We hope the same model and results can be adapted and achieved in Selangor and Kuala Lumpur," he added.

